

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JANUARY 2017

# MCA tidak pernah minta jawatan TPM

**KUALA LUMPUR 23 Jan.** - Kepimpinan MCA tidak pernah meminta jawatan Timbalan Perdana Menteri sama ada secara peribadi atau menerusi mesyuarat rasmi.

Setiausaha Agung MCA, Datuk Seri Ong Ka Chuan berkata, sejak Datuk Seri Najib Tun Razak menjadi Perdana Menteri, MCA tidak pernah membangkitkan isu berkenaan.

Beliau menegaskan, tumpuan utama parti itu pada masa ini adalah kepada pembinaan negara bangsa serta usaha untuk memenangi semula sokongan rakyat kepada Barisan Nasional (BN) khususnya



**ONG KA CHUAN**



**DR. MAHATHIR**

masyarakat Cina.

“Dengan fokus tersebut sekarang, isu jawatan Timbalan Perdana Menteri tidak pernah dikemukakan oleh kepimpinan MCA kepada Perdana Menteri,

Umm - 24/1/2017  
sama ada secara peribadi atau melalui mana-mana mesyuarat rasmi.

“Bagaimanapun, sejak berlakunya perbezaan pendapat dalam pakatan pembangkang, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad cuba untuk menyalahkan MCA bagi melepaskan diri beliau,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) baru-baru ini membuat pusingan U apabila mendakwa MCA yang sebenarnya meminta jawatan Timbalan Perdana Menteri dan bukannya DAP.